### 3.3. Kumpulan Sasar

Terdapat empat (4) kumpulan sasar seperti berikut :

i. Orang perseorangan atau isi rumahnya yang tidak pernah menerima apa-apa bantuan sama ada daripada kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri;

ii. Orang perseorangan atau isi rumahnya yang ada menerima bantuan tetapi wajar dipertimbangkan untuk bantuan tambahan;

iii. Lain-lain orang perseorangan atau isi rumah Warganegara Malaysia yang tinggal di negeri Johor yang terputus sara hidup akibat lanjutan tempoh PKP; dan

iv. Atas dasar keprihatinan Kerajaan Negeri Johor kepada isi rumah bukan warganegara Malaysia yang tinggal di negeri Johor yang terputus sara hidup akibat PKP.

## 3.4. Saluran Permohonan

Semua permohonan Bantuan Ihsan Covid-19 Johor hendaklah menggunakan Borang Permohonan sebagaimana di **Lampiran A**.

Borang yang lengkap hendaklah disokong oleh Ejen-ejen yang dilantik melalui empat (4) Pusat Saluran utama iaitu :

i. Pejabat Menteri Besar;

ii. Pejabat-pejabat Daerah;

iii. Pihak-pihak Berkuasa Tempatan; dan

iv. Pejabat-pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri.

### 3.5. Ejen Pusat Saluran

Ejen Pusat Saluran adalah individu yang dilantik oleh Ketua Pusat Saluran untuk membantu orang perseorangan atau isi rumahnya untuk membuat permohonan. Contoh Ejen-ejen Pusat Saluran adalah sebagaimana Jadual berikut:

| Pusat Saluran | Contoh Ejen |
|---|---|
| Pejabat Menteri Besar | • YB Dato' Zulkurnain Bin Haji Kamisan<br>• YB Tuan Raven Kumar A/L Krishnasamy<br>• YBhg. Datuk Tee Siew Kiong |
| Pejabat Daerah | • Penghulu<br>• Ketua Kampung |
| Pihak Berkuasa Tempatan | • Ahli Majlis<br>• Ketua Jabatan PBT |
| Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri | • Pegawai Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) |